

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4 & 5



NAMA PENUH :	KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	SK : 3.4 SP : 3.4.1	RUJUKAN : BUKU TEKS BM T5

KARANGAN SPM – LANGKAH-LANGKAH MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN

Gambar foto di bawah menunjukkan beberapa usaha untuk memajukan sektor pertanian negara. Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah untuk memajukan sektor pertanian negara**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



KEMUDAHAN
KREDIT



JENTERA MODEN

MEMAJUKAN SEKTOR
PERTANIAN

PEMBABITAN
GENERASI MUDA

PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN





ARAHAN

Salin dan lengkapkan rangka karangan berikut dalam bentuk perenggan yang lengkap. Anda perlu menambah penanda wacana yang sesuai agar ayat lebih gramatis.

PENDAHULUAN

Ayat Rangsangan 1	Sektor pertanian penting kepada Malaysia walaupun kerajaan kini lebih mengutamakan sektor perindustrian.
Ayat Rangsangan 2	Hasil pertanian seperti kelapa sawit, getah, dan koko menyumbang kepada eksport negara manakala padi pula sumber makanan.
Ayat Arahan	Oleh itu, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memajukan sektor pertanian.

ISI 1 : JENTERA MODEN

Ayat Judul	Antara langkahnya, ialah menggalakkan penggunaan jentera moden dalam pertanian.
Ayat Huraian 1	Penggunaan jentera moden dapat mempercepat dan mempermudah proses pertanian, dari proses penanaman hinggalah proses penuaian.
Ayat Huraian 2	Dengan itu, lebih banyak kawasan dapat diusahakan untuk meningkatkan produktiviti.
Ayat Contoh	Sebagai contoh, _____
Ayat Penegas	Oleh itu, kerajaan patut memberikan bantuan kewangan kepada petani agar mereka dapat menggunakan jentera moden.

ISI 2 : PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Ayat Judul	Kerajaan juga harus membuat penyelidikan dan pembangunan (P&P).
Ayat Huraian 1	Melalui P&P, baka tanaman yang lebih baik dapat dihasilkan.
Ayat Contoh	Sebagai contoh, P&P telah berjaya menghasilkan baka padi yang dapat matang lebih cepat dan lebih tinggi hasilnya.
Ayat Penegas	Dengan itu, hasil pertanian dapat ditingkatkan.



ISI 3 : KEMUDAHAN KREDIT

Ayat Judul	Kerajaan juga perlu memberikan kemudahan kredit kepada petani-petani.
Ayat Huraian 1	Bantuan ini penting bagi membolehkan petani membeli peralatan yang sesuai demi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian mereka.
Ayat Huraian 2	Kerajaan juga wajar melonggarkan syarat pinjaman agar semua petani memperoleh bantuan ini.
Ayat Contoh	Sebagai contoh, _____
Ayat Penegas	Petani dapat meningkatkan hasil pertanian.

ISI 4 : PEMBABITAN GENERASI MUDA

Ayat Judul	Demi memajukan sektor pertanian, kerajaan perlu menggalakkan pembabitan generasi muda.
Ayat Huraian 1	Bagi anak-anak muda yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, mereka perlu diberi peluang untuk terlibat dalam sektor pertanian ini.
Ayat Huraian 2	Mereka juga perlu diberi peluang untuk membuat pinjaman kewangan sebagai modal untuk memulakan kerjaya mereka dalam sektor pertanian.
Ayat Contoh	Sebagai contoh, _____
Ayat Penegas	Jelaslah bahawa sektor pertanian dapat menjana pendapatan kepada generasi muda.

PENUTUP / KESIMPULAN

Ayat Kesimpulan	Pelbagai pihak perlu mengambil inisiatif untuk memajukan sektor pertanian agar dapat seiring dengan bidang yang lain.
Ayat Penilaian	Hal ini penting supaya bekalan makanan negara sentiasa terjamin dan pergantungan pada bekalan makanan import dapat dikurangkan.

JAWAPAN TEMPAT KOSONG

Pihak kerajaan dan swasta mewujudkan program pinjaman kepada generasi muda untuk tujuan pertanian.

Mengadakan program pinjaman jentera moden kepada generasi muda yang baru berjinak-jinak dalam bidang pertanian.

Memberikan syarat yang minimum kepada peminjam yang baru memulakan sektor pertanian.